

Headline **Kapal, pesawat jadi penyelamat**  
 Date **02 Feb 2011**  
 MediaTitle **Kosmo**  
 Section **Negara**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Daily**  
 Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
 Page No **3**  
 Article Size **280 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **2,434**  
 PRValue **7,302**



# Kapal, pesawat jadi penyelamat

**KUALA LUMPUR** – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan memutuskan untuk membawa keluar pelajar-pelajar Malaysia dari Mesir menerusi laut dan udara berikutan pergilakan di negara itu yang semakin meruncing.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat setelah mendapat laporan daripada delegasi Malaysia ke sana yang diketuai Timbalan Menteri Luar, A. Kohilan Pillay dan turut disertai Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Sahlan Ismail.

“Beberapa langkah segera akan diambil untuk membawa keluar pelajar-pelajar kita dari Mesir,” katanya kepada Bernama di sini malam tadi.

Antara langkah berkenaan ialah meminta kapal Bunga Mas 5, iaitu sebuah kapal serbaguna yang dikawal oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang sedang bertugas di Teluk Aden, untuk belayar ke Pelabuhan Adabiah di selatan Kaherah bagi membawa keluar pelajar-pelajar berkenaan.

“Kapal itu dijangka tiba di Pelabuhan Adabiah pada 5 Februari. Ia dapat memuatkan kira-kira 500 pelajar kita,” katanya.

Najib juga berkata bahawa beliau sudah berunding dengan Menteri Luar, Datuk Se-

ri Anifah Aman untuk meminta syarikat penerbangan Malaysia Airlines (MAS) dan AirAsia untuk melakukan penerbangan khas ke Kaherah untuk membawa keluar pelajar-pelajar Malaysia.

“Mereka (MAS dan AirAsia) akan memaklumkan kepada saya esok (hari ini) mengenai kemungkinan menggunakan pesawat mereka untuk tugas itu,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga akan berusaha membawa pelajar-pelajar Malaysia ke Jeddah untuk ditempatkan sementara di pusat Tabung Haji di sana sementara menunggu penerbangan pulang.

Bagaimanapun menurutnya ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan terlebih dahulu termasuk urusan visa pelajar berkenaan.

“Kerajaan sedang berurusan dengan kerajaan Arab Saudi untuk mendapatkan kebenaran khas membawa para pelajar kita ke Jeddah,” kata Najib.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memberi maklumat lanjut mengenai perkara itu kepada pelajar dan ibu bapa hari ini.

Sementara itu, Kohilan berkata, pesawat C-130 Charlie Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga akan digunakan

nakan bagi membawa keluar pelajar Malaysia di Mesir secara berperingkat-peringkat ke negara jiran terdekat.

Katanya, Dewan Malaysia Abbasiyah, Rumah-Rumah Negeri di Kaherah dan Rumah Mara di Iskandariah menjadi kawasan perlindungan selamat kepada rakyat Malaysia.



LAPANGAN Terbang Kaherah sesak apabila orang ramai tidak sabar untuk meninggalkan Mesir dengan menaiki pesawat semalam.



KERATAN Kosmo! Ahad 30 Januari 2011

## Info

### NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI

Bilik Operasi Kementerian Luar Negeri  
03-88892746 / 03-88874570  
/ 019-2784566

Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah  
00-202-37610013  
sambungan 116 /  
00-202-37610164 /  
00-202-37607375

Bahagian Penganjuran Pelajaran Mara (Kuala Lumpur)  
019-272 0649 / 019-388 3121.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) / Lembaga Zakat Selangor  
Bilik operasi 24 jam -  
03-55143520/3534/3538/3539/3576

Bilik Gerakan Membantu Pelajar di Mesir (Getir) di Kota Bharu.  
010-5731922 / 010-5731933

Hotline Pergerakan Pemuda UMNO Perak  
05-2411673 (9 pagi-9 malam)